

## **BAHASA MELAYU DI MALAYA BERLAINAN SEDIKIT-SEDIKIT DARIPADA BAHASA MELAYU YANG DI INDONESIA**

Tiada berapa hari selepas hari Raya Fitri tahun ini, saya pergi melawat seorang besar yang telah dahulu bersekolah di sebuah universiti di England – di sini tidaklah saya hendak menzahirkan namanya dengan tidak setahunya. Setiba saya di rumah orang besar itu telah terdahulu lima enam orang di situ, dan di antara mereka itu adalah seorang alim dan seorang Melayu yang pandai bahasa Melayu. Orang besar itu dan pelawat-pelawatnya itu berbual-buallah tentang berbagai-bagai perkara siyasa, iktisad, adat resam Melayu dan sampai pula kepada bahasa-bahasa Melayu tua dan muda.

(Oleh Musyfa‘)

Orang yang saya katakan pandai dalam bahasa Melayu tadi menghadapkan kata kepada saya: “kami semua tahu yang tuan sudah lama bertahun-tahun duduk di tanah Indonesia maka pada fikiran saya tentulah tuan tahu bahasa Melayu Indonesia. Adakah bahasa Melayu Indonesia itu betul berasal dari bahasa Melayu?”

Pada menjawab pertanyaan itu, saya mengaku sudah duduk di tanah Indonesia lebih kurang 20 tahun lamanya dengan memegang berbagai-bagai jawatan kerajaan di sana dan saya bercampur gaul dengan raja-raja dan orang-orang yang setinggi darjat dan yang serendah-rendahnya. Dan tidak pula saya bertanam tembilang tetapi bertanam ubi kerana tatkala saya meninggalkan tanah air saya (Malaya) bersifat lepat, tidaklah saya hendak balik ke tanah air saya bersifat lempeng! Berkenaan dengan bahasa Melayu Indonesia itu pada pendapat saya, ialah bahasa rampaian-rampaian (atau bercampur-campur) tidak sekali-kali saya salahkan campuran atau menghinakannya, semuanya itu bersebab yang amat payah hendak dielok-elokkan. Tiadalah masa saya hendak memberi keterangan-keterangan yang panjang melainkan dengan

ringkasan sahajalah.

Saya lama duduk yang tetap ialah di Pulau Sumatera. Ada pun yang dikatakan Indonesia itu ialah yang terutamanya Pulau Jawa, kemudian termasuklah Pulau Sumatera (Pulau Perca yang dahulu biasa disebut orang), Pulau Bugis dan termasuklah semua gugusan pulau-pulau Melayu (MALAYAN ARCHIPELAGO) yang berhampiran di situ. Kira-kira 50 tahun dahulu iaitu masa saya masih lagi duduk di Sumatera sememang selalu ada sekolah-sekolah Belanda pelajaran tinggi di tanah Jawa terutama di Betawi, tetapi penuntut-penuntut di situ (selain daripada anak-anak orang Belanda betul dan Belanda peranakan) tiada diterima anak-anak Melayu kebanyakan, melainkan anak-anak raja, anak orang-orang besar dan orang kenamaan sahaja. Murid-murid Melayu dari Sumatera (Minangkabau – menang kerbau) Nias, Batak dan lain-lain lagi yang terpilih dan yang dari Pulau Bugis, Jawa dan Bali yang terpilih juga itulah yang boleh menuntut di sekolah-sekolah tinggi Belanda itu.

Di sini hendaklah diingatkan. Orang-orang Melayu Sumatera tidak mengerti bahasa Jawa atau Bugis. Orang-orang Bugis tiada tahu berbahasa-bahasa Melayu Sumatera seperti

bahasa Minangkabau, Aceh, Siak, Asahan, Deli, Langkat dan Batak. Dan juga tiada tahu bahasa-bahasa Jawa yang bermacam-macam bangsa itu. Bila murid-murid Melayu yang berlain-lain bangsa dan bahasa itu berhimpun dan bercakap-cakap bahasa Melayu tentulah ada sepatah dua perkataan yang tiada dapat difaham oleh ramai. Maka pada ketika itu digunakanlah perkataan Belanda atau sebarang perkataan yang difaham oleh am ialah sebagai perkataan-perkataan perantaraan.

Orang-orang muda Jawa, Melayu, Bugis dan lain-lainnya (yang termasuk di dalam bilangan Melayu itu) yang telah keluar dari sekolah-sekolah tinggi Belanda itu di mana mereka yang telah tinggi pelajarannya terpaksa pula di situ belajar tiga bahasa-bahasa Eropah yang lain seperti Inggeris, Perancis dan Jerman (setidak-tidaknya dua bahasa daripada tiga yang tersebut itu) sebaliknya mereka itu tiadalah akan diberi surat pengakuan sempurna tuntutanannya. Maka orang-orang muda ini ada yang memegang jawatan-jawatan tinggi kerajaan, ada yang menjadi pengarang buku-buku pelajaran, buku-buku cerita, atau pengarang surat-surat khabar dan seumpamanya maka di dalam buku-buku dan surat-surat khabar itu kebanyakannya ada tersulam perkataan-perkataan Belanda, Jawa dan Melayu Sumatera dan dicap dengan huruf Rumi serta diubahkan ejaan perkataan-perkataan yang sebenar-benarnya itu dengan menurut sebutan-sebutan rekaan, atau menurut kepelatan lidah orang-orang di sana yang ramai, akan tetapi kekal menurut aturan rentak gaya Indonesia yang biasa jugalah. Maka ini aturan atau susunan rentak gaya Indonesia tiada boleh kita di Singapura atau di Malaya ini menyalahkan sekali-kali akan tetapi pula tentulah ada sedikit sebanyak berlainan daripada apa yang kita di Singapura dan di semenanjung Tanah Melayu ini biasa memakainya. Malangnya kita orang-orang Melayu baharu atau orang-orang Melayu muda sekarang di Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu ini suka meniru-niru pula rentak gaya bahasa Melayu Indonesia itu. Bahawasanya tiruan yang demikian, pada pendapat saya, tidaklah sekali-kali menepati pengertian hendak membaiki atau

mengeloki lagi bahasa kita Melayu Singapura dan semenanjung!!! Dukacitalah sangat saya mengapa kita suka menjadi pak-pak turut. Dan lagi sepanjang pengetahuan saya sendiri, bahawa setengah daripada pak-pak turut yang muda-muda itu belum pernah meninggalkan tanah airnya pergi menjejakkan kakinya di tanah Indonesia.

Di bawah ini adalah saya datangkan sedikit tauladan gaya lenggang-lengkok bahasa Melayu Indonesia dan sepatah dua perkataan-perkataan Indonesia yang berlain-lain ertinya daripada erti kita di Malaya, supaya boleh tuan-tuan pembaca fikirkan sendiri masing-masing: –

1. “Adalah kedai kita ini satu-satunya kedai penjahit . . . . . dan penjual . . . . .”
2. “Beliau adalah satu-satunya orang alim yang termasyhur di negeri . . . . .”
3. Tempoh hari saya bisa juga ketemu dengan wartawan yang paling pakar . . . . .”

Ada pun pada pengetahuan saya bahawa “satu-satunya” itu tiada pernah dahulu dipakai di Singapura atau pun di Semenanjung Tanah Melayu ini oleh orang-orang Melayu kita. Adapun yang sebenarnya biasa digunakan ialah “satu daripada . . . . .” dan jika bersabit dengan manusia dikatakan: “seorang daripada . . . . . yang masyhur (bukan termasyhur). “Tempoh” itu ialah perkataan Itali ertinya masa (yang digunakan tentang bunyi-bunyian) dan juga “tempoh” perkataan Jepun dahulu, ertinya duit tembaga yang pipih bulat dan berlubang empat persegi di tengah-tengahnya. Bisa itu pada kita biasa. Dan “ketemu” ertinya bertemu. Maksud pengertian: pada suatu hari dahulu saya biasa juga bertemu dengan wartawan-wartawan yang amat pandai atau bijaksana.

# BAGI NIKMAT DI DUNIA . . . . MENAMBAH HIDUP YANG BERBAHAGIA



1. Makjun baiduri: khas

bagi kaum ibu tetap mengembalikan perasaan mula

kahwin di zaman muda dara.

Harga sebotol \$2.50 tambah pos 60 sen.

2. Makjun nurul majlis: untuk mengembalikan kekuatan

lelaki dan perempuan harga sebotol \$1.50 tambah pos 60 sen.

3. Minyak zaitul falah: mustahak simpan di rumah bagi  
menyembuhkan berjenis-jenis penyakit harga sebotol \$1.50 pos 60 sen.

WAKIL2: Che Mohd. b. Abas No. 285, Princes Road,

K. Lumpur, Che Nik b. Mohd. No. 16-17, Jalan Pasar

Sabak Bernam Selangor, Haji Daud b. Hj. Abu Bakar No 581,


Jalan T.Putra Semerak Kelantan, Che Harun b. Daud 2391

Jalan Kubang Pasu Kota Bharu Kelantan.

Wakil2 di-kehendaki, sila berurus; dengan:–

C.LONG B. A. BAKAR, No 42A KAMPONG MASJID

ABIDIN, KUALA TERENGGANU.



Perkataan-perkataan yang berlain-lain ertinya:–

1. “Gading elok, gading pengenanya” ertinya:– besar elok, besar pulalah pengenanya.

2. “Kecik bahan gading penimpanya” berertilah: – Peliung atau kapak yang kecil itu boleh menumbangkan pohon kayu yang besar. Akan tetapi gedang di dalam bahasa Jawa (Indonesia jugalah) bererti pisang.

3. Laku . . . . . kita semuanya tahu bahawasanya sesuatu benda yang dijual. Bila dibeli orang, maka ertinya barang itu laku, dan lagi berlaku – melaku – melakukan – di sisi orang-orang

Melayu kita di Malaya walaupun di Pulau Sumatera (Indonesia) ertinya perbuat atau perbuat sesuatu hal, tetapi pada bahasa Jawa bererti berjalan seperti katanya “melaku neng kono, melaku neng kini.” ertinya berjalan ke sana dan berjalan ke sini. jadinya “laku barang yang dijual” ertinya pada bahasa Jawa “payu” dan berlaku ertinya “berjalan” dalam bahasa Jawa.

4. “Kuting” pada bahasa Melayu bererti “ikut” seperti seorang kanak-kanak sentiasa menguting (mengikut sama) barang ke mana ibunya pergi. Tetapi orang-orang Jawa ertikan “orang dagang”.